

SISWAZAH MENGGUR : SATU  
TINJAUAN DAN ANALISA

DISEDIAKAN OLEH :

RAMIZI B. RADZI	89324561
MAS ANUAR B. AYOB	89279675
MOHD. ASRI B. ISMAIL	89352071
FARID SUHAIMI B. MD. SIKON	89243965

PENYELIA KERTAS PROJEK :

PUAN GRACE YEOH

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN  
PENTADBIRAN DAN UNDANG - UNDANG, INSTITUT  
TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM , SELANGOR SEBAGAI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MENDAPATKAN DIPLOMA  
PENTADBIRAN AWAM.

MEI 1992

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan	muka surat i
Sinopsis	ii
Kertas Projek	iiii

### Bab 1 : PENGANGGURAN SISWAZAH - SATU PENGENALAN SECARA UMUM

1.1 Definisi Pengangguran	
1.1.1 Secara Umum .....	1
1.1.2 Siswazah .....	6
1.2 Latar Belakang pengangguran Siswazah secara umum	
1.2.1 Corak Pengangguran Siswazah	7
1.2.2 Pengangguran Siswazah Dalam Dekad 80 an .....	12
1.2.3 Faktor-faktor Penyebab .....	13
1.3 Kesimpulan .....	18

### Bab 2 : PENGANGGURAN SISWAZAH - SATU TINJAUAN

2.1 Matlamat pendidikan Secara Umum	
2.1.1 Penyata Razak .....	19
2.1.2 Hubungan Sistem Pendidikan Dengan Masalah Pengangguran Siswazah .....	23
2.2 Latar Belakang Penubuhan universiti	
2.2.1 Konsep Universiti .....	28
2.2.2 matlamat Penubuhan universiti .....	31
2.2.3 Sejauhmana Pendidikan Tinggi Praktikal Kepada Peluang pekerjaan Di Malaysia	34

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Pertama sekali kami ingin memanjatkan rasa syukur ke hadzrat

Allah S.W.T di atas segala limpah kurnianya serta taufik dan hidayahnya yang membolehkan kami menyiapkan kertas projek ini pada tempoh yang telah ditetapkan walaupun kami senentiasa sibuk dengan tugas-tugas lain.

Seterusnya, kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kami Puan Grace di atas segala pertolongan, kerjasama serta sumbangan beliau dalam mengutarakan kritik-kritik yang membina semasa kami menyiapkan kertas projek ini.

Tidak lupa juga setinggi penghargaan kami tujukan kepada pensyarah-pensyarah di Kajian Pentadbiran dan Undang-undang yang telah banyak memberi pertolongan dan kerjasama mereka sepanjang pengajian kami di ITM. Akhir sekali kami juga ingin merakamkan jutaan terimakasih kepada semua pihak-pihak yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam proses pembikinan kertas projek kami yang tidak semena-mena ini.

Wassalam.

## SINOPSIS

Masalah pengangguran bukanlah merupakan satu masalah yang baru dihadapi oleh dunia. Sejak daripada zaman kemelesetan yang panjang dahulu, masalah ini telah wujud. Namun begitu, masalah pengangguran siswazah yang melanda negara ini sejak kebelakangan ini telah benar-benar memberikan satu kejutan kepada negara Malaysia khususnya yang masih dalam era pembangunan. Oleh itu, kertas projek ini cuba meninjau dan menganalisa segala sebab dan musabab yang membawa kepada wujudnya masalah ini. Faktor perancangan pendidikan yang tidak selaras dengan perancangan gunatenaga di negara ini adalah merupakan sebab utama yang memungkinkan keadaan ini berlaku. Selain daripada itu, faktor sikap samada dari golongan siswazah samada pihak-pihak lain telah sedikit sebanyak memburukkan lagi keadaan yang telah sedia wujud. Namun begitu pihak kerajaan tidak bersikap 'lepas tangan' dalam menghadapi keadaan ini walaupun kerajaan sedar bahawa keupayaannya untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan siswazah adalah semakin terhad disebabkan oleh masalah kelembapan ekonomi. Berbagai program telah dianjurkan oleh kerajaan dalam usaha mengatasi masalah pengangguran siswazah seperti Projek Siswazah Tani, Siswazah Nelayan, Skim khidmat Sementara, dan Skim Latihan Khas. Namun begitu, keberkesanan program-program ini adalah masih diragukah. Cuma, apa yang pasti ialah, hanya dengan wujudnya kesedaran Islam di dalam diri siswazah ini sahaja akan dapat mengatasi masalah ini. Ini adalah kerana, Islam telah sekian lama menggariskan segala bentuk tanggungjawab dan peranan seseorang individu itu. Maka, terpulanglah pada golongan siswazah sendiri untuk membuat penilaian dan mencari jalan penyelesaian masalah di masa depan.

## PENGANGGURAN SISWAZAH - SATU PENGENALAN

### SECARA UMUM

#### I.I Definisi pengangguran

##### I.I.I Secara umum

Secara umumnya, pengangguran di sini boleh didefinisikan sebagai satu keadaan di mana terdapatnya penduduk yang ingin bekerja, berkeupayaan bekerja tetapi tidak ada kerja yang sesuai untuk mereka. Pengangguran di sini mencerminkan keadaan penggunaan buruh yang lebih rendah dibandingkan dengan penawaran buruh di pasaran.

Stanley Fischer dan Rudiger Dornbusch pula berpendapat bahawa : seseorang itu dianggap sedang menganggur bilamana ia tidak bekerja dalam minggu terakhir, tetapi telah keluar untuk mencari kerja dalam masa empat minggu yang terdahulu. Seseorang yang tidak bekerja dalam minggu - minggu yang terdahulu disebabkan sakit, sedang bercuti, mogok atau tidak boleh bekerja disebabkan cuaca buruk adalah dikira tidak menganggur. Manakala seseorang yang menunggu untuk bekerja semula dalam masa tiga puluh hari tetapi tidak bekerja dalam minggu terakhir adalah dianggap sedang menganggur. Ini bermakna seseorang yang masih belum bekerja adalah termasuk dalam kategori penganggur. Jelasnya, seseorang yang dianggap menganggur ialah mereka yang mahu bekerja dan kesediaan itu ditunjukkan dari usaha-usaha yang dijalankan untuk mencari kerja.